Kelas bawahan memberikan taat setia kepada golongan pemerintah.

BAHAGIAN A

1. Apakah kerajaan yang menggunakan tulisan orang Hu dan kalendar *Saka* dari India?

Buku Teks
ms. 40

- A Angkor
B Funan
C Champa
D Srivijaya

Aras R Mengingat

2. Golongan masyarakat kerajaan Alam Melayu yang manakah mengikuti pendidikan formal?

Buku Teks
ms. 40

- A Bangsawan
B Anak petani
C Pakar perubatan
D Golongan ulama

Aras R Memahami

3. Masyarakat kerajaan Champa menggunakan tulisan Palava dan Champa Kuno.

Buku Teks
ms. 40

Apakah bukti bagi pernyataan tersebut?

- A Penemuan inskripsi
B Perintah daripada raja
C Penemuan catatan pedagang asing
D Hasil temu bual dengan pemerintah

Aras S Menganalisis

4. Apakah maklumat yang diperoleh daripada batu bersurat berikut?

Buku Teks
ms. 41

• Kota Kapur • Talang Tuwo

- A Hukuman jenayah
B Peraturan berdagang
C Taat setia kepada raja
D Bahasa Melayu dalam pentadbiran

Aras S Mengingat

5. Apakah jenis maklumat yang terpahat pada dinding Angkor Wat?

Buku Teks
ms. 44

- I Keagamaan
II Pemerintahan
III Kerajaan asing
IV Kegiatan ekonomi
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Menganalisis

6. Apakah kepentingan karya epik India dalam kerajaan Alam Melayu?

Buku Teks
ms. 45

- A Sebagai asas perundangan
B Mempengaruhi kesusasteraan
C Menjadi bahan khazanah istana
D Sebagai bahan kajian oleh sarjana

Aras T Menilai

7. Apakah seni bina yang dihasilkan oleh kerajaan Alam Melayu?

Buku Teks
ms. 46

- I Istana
II Pengairan
III Perkapalan
IV Jalan raya
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Mengingat

8. Apakah seni bina kerajaan Gangga Nagara yang menerima pengaruh kerajaan Gupta di India?

Buku Teks
ms. 48

- A Seni ukir
B Seni bina candi
C Pembinaan tali air
D Binaan patung Buddha

Aras S Mengingat

9. Pada pendapat anda, apakah yang hendak dicapai oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu melalui struktur sosial mereka?

Buku Teks
ms. 49

- A Keadilan sosial
B Pengagihan pekerjaan
C Pengukuhan sistem politik
D Pemeliharaan kuasa pemerintah

Aras S Menganalisis

10. Apakah peranan golongan hamba dalam kerajaan Alam Melayu?

Buku Teks
ms. 49

- A Membayar hutang
B Berkhidmat untuk raja
C Meningkatkan status pemiliknya
D Mengukuhkan sistem ekonomi kerajaan

Aras R Mengingat

BAHAGIAN B

1. Sebelum sistem tulisan digunakan, masyarakat kerajaan Alam Melayu terkenal dengan tradisi lisan.

Buku Teks
ms. 44 - 45

(a) Nyatakan **tiga** tema utama yang berkaitan dengan tradisi lisan masyarakat kerajaan Alam Melayu.

Asal usul / seloka/ nasihat/ binatang/ teladan/ adat

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

Aras S Mengingat [3 markah]

- (b) Namakan **tiga** hikayat berkaitan kisah kehidupan nabi-nabi.

Hikayat Nabi Bercukur/ Hikayat Nabi Wafat/ Hikayat Bulan Berbelah/ Hikayat Nabi Yusof

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

Aras R Mengingat [3 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah usaha yang dapat dilaksanakan bagi menarik minat generasi muda terhadap persuratan Melayu?

Dewan Bahasa dan Pustaka menghasilkan lebih banyak karya persuratan.

Sekolah menganjurkan pelbagai sayembara.

Mewujudkan karya persuratan dalam versi bahasa mudah.

Mewujudkan forum / seminar berkaitan dengan karya persuratan Melayu.

Aras T Mencipta [4 markah]

2. Asas struktur sosial dalam kerajaan Alam Melayu terbahagi kepada golongan pemerintah dan golongan diperintah.

Buku Teks
ms. 49

- (a) Selain golongan diraja, namakan **tiga** kumpulan lain yang tergolong dalam golongan pemerintah.

Pembesar/ ilmuwan/ golongan agama/ pujangga/ pendeta istana

(Pilih mana-mana tiga jawapan)

Aras R Mengingat [3 markah]

- (b) Golongan diperintah terdiri daripada rakyat merdeka dan hamba.

- (i) Nyatakan **dua** peranan golongan rakyat merdeka.

Mengukuhkan sistem beraja melalui konsep taat setia.

Menjana ekonomi kerajaan.

Aras S Memahami [2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** peranan golongan hamba.

Berkhidmat dalam sektor sosioekonomi.

Meningkatkan status pemiliknya.

Aras S Memahami [2 markah]

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah struktur sosial seperti masyarakat Alam Melayu wajar dipertahankan?

Struktur sosial yang tersusun mengukuhkan sistem politik / kedudukan raja.

Menyumbang kepada kestabilan kerajaan.

Saling bekerjasama untuk mempertingkatkan kehidupan mereka.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

Aras T Menganalisis [3 markah]

BAHAGIAN C

1. Kehebatan masyarakat kerajaan Alam Melayu dapat dilihat melalui hasil seni bina mereka.

Buku Teks
ms.
46, 48

- (a) Jelaskan seni bina masyarakat kerajaan Alam Melayu berikut:

- (i) Majapahit

- (ii) Angkor

Aras S Mengingat [3 markah]

Aras S Mengingat [3 markah]

- (b) Bandingkan seni bina kerajaan Alam Melayu dengan seni bina pada zaman sekarang.

Aras S Menganalisis [8 markah]

- (c) Berikan pandangan anda berkaitan dengan faktor kemajuan bidang seni bina negara.

Aras T Mencipta [6 markah]

Bahagian A

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bulatkan jawapan yang paling tepat.

1. Konsep Alam Melayu boleh dilihat dari sudut

I tokoh III geografi
II budaya IV ekonomi
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

2. Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan Alam Melayu yang masyhur.

- Pusat kerajaan di Indrapura.
- Diasaskan oleh Chu-Lien pada tahun 192 M.

Apakah kerajaan tersebut?

A Kerajaan Funan
B Kerajaan Angkor
C Kerajaan Champa
D Kerajaan Kedah Tua

3. Pilih pasangan yang **betul**.

	Kerajaan	Pengasas
A	Funan	Fan Shih-man
B	Angkor	Kaundinya
C	Srivijaya	Jayavarman II
D	Majapahit	Raden Vijaya

4. Jadual berikut menunjukkan lokasi kewujudan kerajaan di Alam Melayu. Pilih pasangan yang **betul**.

	Kerajaan	Lokasi
I	Funan	Lembah Sungai Mekong
II	Kedah Tua	Sungai Bujang
III	Majapahit	Lembah Sungai Musi
IV	Champa	Lembah Sungai Brantas

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

5. Apakah kepentingan hubungan kerajaan Alam Melayu dengan China dan India?

A Meningkatkan taraf hidup
B Memajukan kegiatan pertanian
C Menguatkan bidang pertahanan
D Memperkukuh hubungan perdagangan

6. Dalam sistem pemerintahan kerajaan Champa, Raja Champa dibantu oleh para pembesar. Apakah peranan pembesar tersebut?

A Mengutip cukai
B Menguruskan pentadbiran
C Menjaga kedaulatan kerajaan
D Membangunkan kegiatan perdagangan

7. Gambar berikut menunjukkan inskripsi pada Telaga Batu.



Apakah yang boleh dikaitkan dengan penemuan tersebut?

A Salasilah pemerintah kerajaan Angkor
B Sistem pemerintahan kerajaan Srivijaya
C Undang-undang dalam kerajaan Majapahit
D Upacara keagamaan dalam kerajaan Funan

8. Kepercayaan awal masyarakat kerajaan Alam Melayu ialah animisme dan dinamisme. Apakah ciri utama kepercayaan tersebut?

A Bersifat ketuhanan
B Mengukuhkan kedudukan raja
C Berkait rapat dengan alam sekeliling
D Peraturan ditentukan oleh ketua adat



9. Apakah gelaran yang digunakan oleh Raja-raja Angkor?
A Maharaja **C** Sri Bathara
B Dewaraja **D** Kurung Bnam
10. Bagaimanakah pemerintah kerajaan Angkor memajukan penanaman padi?
A Membina *baray*
B Meluaskan empayar
C Menanam padi di pedalaman
D Menggunakan benih bermutu tinggi
11. Apakah tanaman yang ditanam oleh masyarakat kerajaan Angkor dan Funan?
A Padi
B Kopi
C Getah
D Kelapa
12. Apakah kegunaan kapur barus?
A Makanan
B Perubatan
C Bahan pewangi
D Barang perhiasan
13. Apakah bahasa yang digunakan oleh masyarakat kerajaan Funan?
A Arab **C** Sanskrit
B Melayu **D** Jawa Kuno
14. Apakah kepentingan *baray* dalam kerajaan Angkor?
A Pengairan
B Pelabuhan
C Petempatan
D Pusat ibadat
15. Bagaimanakah pemerintah kerajaan Alam Melayu memajukan kegiatan ekonomi?
 I Membina pelabuhan
 II Mencipta sistem pengairan
 III Menguasai ekonomi kerajaan lain
 IV Menarik kedatangan pelabur asing
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV
16. Jadual berikut berkaitan cukai rasmi di pelabuhan Melaka.

Asal pedagang	Jumlah cukai
Arab, India, Ceylon, Siam, Pegu	6%
X	3%

Apakah **X**?

- A** China **C** Mesir
B Jepun **D** Alam Melayu

17. Gambar berikut menunjukkan pokok bakau.



Apakah fungsi pokok tersebut kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?

- A** Benteng pertahanan semula jadi
B Pelindung tiupan angin monsun
C Bahan binaan utama istana Melaka
D Hasil dagangan utama di pelabuhan

18. Apakah peranan Laksamana dalam Kesultanan Melayu Melaka?

- A** Pemungut ufti
B Penguasa bandar
C Ketua syahbandar
D Ketua angkatan laut


19. Maklumat berikut berkaitan dengan tanggungjawab pembesar berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

- Ketua polis dan penjara
- Pegawai protokol istana

Siapakah pembesar yang ditugaskan untuk menjalankan tanggungjawab tersebut?

- A** Bendahara
B Laksamana
C Temenggung
D Penghulu Bendahari

20. Maklumat berikut berkaitan pengunduran Sultan Mahmud Shah selepas serangan Portugis.



Apakah **X**?

- A** Muar
B Bentan
C Kampar
D Batu Pahat

Bahagian B
[40 markah]
Jawab **semua** soalan.

1. (a) Lengkapkan jadual berikut tentang kerajaan Angkor.

(i)	Lokasi	Lembah Sungai Mekong
(ii)	Pengasas	Jayavarman II
(iii)	Pusat kerajaan	Hariharalaya

[3 markah]

(b) Senaraikan **tiga** sumbangan Jayavarman VII.

- (i) Meluaskan empayar Angkor hingga ke sempadan Annam.
- (ii) Membina Angkor Thom.
- (iii) Mendirikan 102 buah hospital.

[3 markah]

(c) Cadangkan cara untuk menghargai sumbangan pemerintah.

Membina muzium atau memorial. Menulis bibliografi atau buku tentang sumbangan pemerintah tersebut. Menulis sajak atau puisi tentang pemerintah tersebut. Meletakkan nama pemerintah tersebut pada tempat, jalan atau bangunan.

[4 markah]

2. Gambar menunjukkan kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu.



(a) Nyatakan kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu.

- (i) Pertanian/ Perdagangan
- (ii) Hasil hutan dan laut/ Perlombongan dan pembuatan

[2 markah]

(b) Senaraikan pelabuhan yang menjadi tempat pengumpulan hasil hutan dan laut kerajaan Alam Melayu.

- (i) Oc-Eo
- (ii) Palembang
- (iii) Yasodharapura
- (iv) Pangkalan Bujang

[4 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah kesan kepada rakyat jika ekonomi negara berkembang maju?

Kehidupan rakyat sejahtera. Mewujudkan peluang pekerjaan. Pendapatan rakyat meningkat. Taraf hidup rakyat bertambah baik

[4 markah]

3. Kebijaksanaan masyarakat kerajaan Alam Melayu dibuktikan melalui kemahiran seni bina yang kekal dan dapat dilihat oleh generasi hari ini.

- (a) Apakah seni bina yang berjaya dihasilkan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu?

(i) Candi/ Sistem pengairan

(ii) Perkapalan

[2 markah]

- (b) Seni bina kerajaan Angkor yang terkenal ialah Angkor Wat. Jelaskan.

Angkor Wat dibina oleh Raja Suryavarman II pada abad ke-12. Merupakan candi bagi agama Hindu. Dibina dengan keluasan 208 hektar. Binaan utama di tengah-tengah candi setinggi 65 meter.

[4 markah]

- (c) Apakah faktor yang membolehkan masyarakat kerajaan Alam Melayu berjaya dalam bidang seni bina? Kebijakan pemerintah. Kemahiran memahat dan bertukang. Nilai kreatif dan inovatif rakyat. Kemakmuran dan kekayaan kerajaan.

[4 markah]

4. Agama Hindu dan Buddha telah tersebar ke Alam Melayu sebelum Masihi manakala agama Islam tersebar mulai abad ketujuh.

- (a) Apakah faktor penyebaran agama Hindu, Buddha dan Islam ke Alam Melayu?

(i) Peranan mubaligh

(ii) Peranan pemerintah

(iii) Perkembangan perdagangan antarabangsa

[3 markah]

- (b) Buktikan penyebaran agama Hindu, Buddha dan Islam dalam kerajaan Champa.

Agama Hindu telah tersebar semasa pemerintahan Bhadravarman sejak abad keempat. Beliau mendirikan candi Hindu di Lembah Mi Son yang dikenali sebagai Siva-Bhadresvara dan di Po Nagar. Penyebaran agama Buddha dibuktikan dengan pembinaan Candi Dong Duong. Penyebaran agama Islam pula dibuktikan melalui penemuan batu bersurat bertarikh 1035 dan batu nisan bertarikh 1039 di Panduranga. Islam mulai tersebar pada abad ke-14 semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin.

[3 markah]

- (c) Mengapakah agama memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia?

Mendisiplinkan diri. Mempunyai matlamat hidup. Kehidupan yang lebih aman dan tenteram. Mengurangkan gejala sosial dalam kalangan masyarakat.

[4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja.

1. (a) Jelaskan kepercayaan awal masyarakat Alam Melayu berikut:

(i) Animisme

Kepercayaan bahawa setiap makhluk, hidupan, dan tumbuhan memiliki roh atau semangat. Kepercayaan terhadap makhluk halus dan penyembahan roh nenek moyang yang dipanggil hyang untuk memastikan keluarga yang masih hidup mendapat kebaikan atau menghindari kesusahan di dunia.

[3 markah]

(ii) Dinamisme


Kepercayaan terhadap kekuatan yang dikenali sebagai mana. Setiap benda dan makhluk dianggap mempunyai mana yang boleh mempengaruhi kehidupan seseorang. Upacara pemujaan tanaman dilakukan untuk mendapat hasil tanaman yang subur dan banyak

[3 markah]

(b) Berdasarkan gambar berikut, bandingkan perkembangan agama dalam kerajaan Champa dengan kerajaan Srivijaya.



Candi Po Nagar



Candi Muara Jambi

Perkembangan agama dalam kerajaan Champa - Agama Hindu telah tersebar semasa pemerintahan Bhadravarman sejak abad keempat. Beliau mendirikan candi Hindu di Lembah Mi Son yang dikenali sebagai Siva-Bhadresvara dan di Po Nagar. Penyebaran agama Buddha dibuktikan dengan pembinaan Candi Dong Duong. Penyebaran agama Islam pula dibuktikan melalui penemuan batu bersurat bertarikh 1035 dan batu nisan bertarikh 1039 di Panduranga. Islam mulai tersebar pada abad ke-14 semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin. Perkembangan agama dalam kerajaan Srivijaya = Menjadi pusat kegiatan agama Buddha sejak abad ketujuh. Pendeta Buddha bernama I-Tsing dari China pernah datang ke Srivijaya. Bertujuan untuk mempelajari bahasa Sanskrit dan menterjemahkan kitab-kitab agama Buddha. Candi Buddha yang terkenal ialah Candi Muara Jambi, Candi Muara Takus, dan Candi Bahal

[8 markah]

(c) Cadangkan cara menghormati agama kaum lain.

Menerima kepelbagaian agama dan kepercayaan. Menghormati amalan kepercayaan masyarakat. Mengetahui adat dan pantang larang rumah ibadat kaum lain. Tidak mempersendakan kepercayaan kaum lain. Menghormati rumah ibadat kaum lain. Menjaga sensitiviti masyarakat.

(Mana-mana jawawapan yang munasabah)

[6 markah]

2. Gambar berikut menunjukkan serangan Portugis terhadap Kesultanan Melayu Melaka.



- (a) Jelaskan faktor pengakhiran Kesultanan Melayu Melaka.

Masalah kepimpinan / Kelemahan Sultan Mahmud Shah dan para pembesar dalam pemerintahan dan pentadbiran menyebabkan ketidakstabilan politik / Masalah perpaduan / Rakyat tidak bersatu / Berlaku persaingan kuasa antara pembesar / Askar upahan tidak taat setia kepada Melaka / Serangan Portugis / Portugis ingin mengawal perdagangan rempah dan menyebarkan agama Kristian

[6 markah]

- (b) Kepemimpinan Kesultanan Melayu Melaka telah melaksanakan pelbagai ikhtiar bertujuan untuk mempertahankan kedaulatannya.

Jelaskan pernyataan tersebut.

Pemimpin Melaka melaksanakan pelbagai ikhtiar termasuk aspek diplomasi, strategi, pertahanan, dan pertempuran/ Askar Melaka tidak tandus dari segi semangat juang malah digambarkan mempunyai semangat keperwiraan yang tinggi / Askar Melaka menggunakan lancaran dan perahu berapi serta tentera bergajah bagi menghadapi serangan tentera Portugis / Pelbagai jenis meriam dan tembakan bertalu-talu dilakukan dari pantai / Pertahanan Melaka diperteguhkan dengan kayukayan / Sultan Mahmud Shah berundur dari Melaka menuju ke wilayah naungan serta jajahannya dan akhirnya bersemayam di Bentan / Sultan Mahmud Shah melakukan tiga kali serangan antara tahun 1515 hingga 1519 untuk mendapatkan semula Melaka tetapi serangan tersebut gagal / Pada tahun 1526, pusat pemerintahan Sultan Mahmud Shah di Bentan telah dimusnahkan oleh Portugis / Sultan Mahmud Shah berundur ke Kampar dan mangkat di sana pada tahun 1528

[6 markah]

- (c) Kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka patut dijadikan iktibar. Pada pendapat anda, apakah iktibar yang diperoleh?

Sanggup mempertahankan negara / Pemimpin hendaklah adil dan bijaksana / Mengukuhkan semangat cinta akan negara / Rakyat perlu mempunyai daya juang yang tinggi / Menjaga keamanan negara dan mengelakkan huru hara / Rakyat perlu bersatu hati dan mengelakkan perpecahan / Pembesar dan rakyat harus taat setia kepada pemerintah / Berusaha mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi (Mana-mana jawapan yang munasabah)

[8 markah]

Bahagian A

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bulatkan jawapan yang paling tepat.

1. Maklumat berikut menunjukkan persamaan bunyi perkataan bagi beberapa etnik di Alam Melayu.

Bahasa Melayu	Empat
Bahasa Jawa	Papat
Bahasa Tagalog	Apat
Bahasa Melanau	Pat

Apakah yang dapat dibuktikan daripada persamaan bunyi perkataan tersebut?


- A** Alam Melayu kawasan yang luas
B Bahasa di Alam Melayu adalah serumpun
C Alam Melayu hanya didiami oleh orang Melayu
D Masyarakat Alam Melayu menggunakan bahasa yang sama
2. Apakah nilai budaya serumpun masyarakat Alam Melayu yang masih diamalkan hingga hari ini?
A Pelayaran
B Gotong-royong
C Kegiatan keagamaan
D Perdagangan antarabangsa
3. Gelaran berikut digunakan oleh pemerintah kerajaan Alam Melayu.
 Kurung Bnam yang bermaksud raja gunung.
 Apakah kerajaan yang menggunakan gelaran tersebut?
A Funan **C** Srivijaya
B Angkor **D** Majapahit
4. Bagaimanakah pemerintah kerajaan Angkor memajukan penanaman padi?
A Membina *baray*
B Meluaskan empayar
C Menanam padi di sekitar tasik Tonle Sap
D Menggunakan benih padi bermutu tinggi

5. Gambar berikut menunjukkan batu bersurat Talang Tuwo dari kerajaan Srivijaya.



Apakah yang dapat dibuktikan dengan penemuan batu bersurat tersebut?

- A** Pusat agama Buddha
B Undang-undang bertulis
C Lambang keagungan kerajaan
D Pengaruh Sanskrit dalam bahasa Melayu
6. Rajah berikut berkaitan dengan struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu.



Mengapakah masyarakat kerajaan Alam Melayu terikat dengan struktur sosial yang hampir sama?

- A** Menjamin keadilan sosial
B Mengukuhkan sistem politik
C Mempertahankan kuasa raja
D Mewujudkan pembahagian pekerjaan
7. Apakah ciri utama kepercayaan animisme dan dinamisme?
A Bersifat ketuhanan
B Mengukuhkan kedudukan raja
C Berkait rapat dengan alam sekeliling
D Peraturan ditentukan oleh ketua adat
8. Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui penggunaan gelaran berikut?

- Raja di Gunung
- Maharaja di Pulau



- A** Membuktikan kesaktian raja
B Mengesahkan kesucian raja
C Menentukan bidang kuasa raja
D Menggambarkan kebesaran raja
9. Dato' Wijaya menjadi Hakim di darat serta pegawai protokol istana dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Apakah jawatan beliau?
A Bendahara **C** Temenggung
B Laksamana **D** Penghulu Bendahari
10. Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mula menjadi lemah menjelang pertengahan abad ke-16. Mengapakah berlaku demikian?
 I Masalah kepimpinan
 II Masalah perpaduan rakyat
 III Penderhakaan kepada Sultan
 IV Pengenalan Undang-undang Barat
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV
11. Bagaimanakah pemerintah Kesultanan Johor Riau menghadapi ancaman Raja Kechil yang kembali menuntut takhta kerajaan Johor?
A Membina kota pertahanan
B Meminta bantuan Belanda
C Memperbesar angkatan tentera
D Mendapatkan bantuan orang Bugis
12. Mengapakah pusat pemerintahan Kesultanan Johor Riau sering berubah-ubah?
A Melemahkan musuh
B Meluaskan empayar
C Strategi keselamatan
D Mengukuhkan ekonomi
13. Apakah sumbangan Sultan Zainal Abidin III?
A Memodenkan negeri
B Mengasaskan kesultanan
C Meluaskan jajahan negeri
D Membebaskan negeri daripada kuasa luar
14. Apakah bukti agama Islam diberikan keutamaan dalam Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor?
 I Sultan merupakan ketua agama Islam
 II Sultan meluluskan tauliah penceramah agama
 III Bangunan utama dinamakan dengan nama sultan
 IV Undang-undang syariah Islam dilaksanakan sepenuhnya
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV
15. Apakah maklumat yang dapat dikaitkan dengan senarai berikut?
 • Che Siti Wan Kembang
 • Puteri Saadong
A Persembahan wayang kulit
B Asal usul kerajaan Kelantan
C Seni tari masyarakat Kelantan
D Pemerintahan Raja Perempuan
16. Bagaimanakah kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan Melayu yang lain?
 I Politik
 II Pertahanan
 III Perkahwinan
 IV Perdagangan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV
17. Mengapakah darjah kebesaran dianugerahkan semasa menyambut hari keputeraan Sultan?
A Memeriahkan suasana sambutan
B Mengeratkan hubungan pemerintah dengan rakyat
C Melambangkan kekuasaan Sultan yang memerintah
D Memberikan pengiktirafan kepada mereka yang berjasa
18. Lembaga merupakan salah satu pemimpin dalam sistem pemerintahan di Negeri Sembilan. Apakah peranan Lembaga?
A Memilih Yamtuan Besar
B Menjaga keamanan dan keselamatan
C Menjadi ketua rujukan adat dan hukum
D Menghafal adat dan asal usul kelompok kekeluargaan
19. Apakah kepentingan sungai kepada masyarakat Sarawak dan Sabah?
A Membekalkan sumber tenaga
B Memajukan sektor pelancongan
C Digunakan dalam kegiatan harian
D Menjadi penghubung bandar utama
20. Masyarakat Iban mengadakan sambutan upacara *Miring* semasa sambutan Gawai Dayak. Apakah fungsi upacara *Miring*?
A Memeriahkan suasana
B Berterima kasih kepada *petara*
C Mendoakan kesejahteraan penduduk
D Memilih ratu cantik dan jejak tampan

Bahagian B

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. Kerajaan Alam Melayu mempunyai hubungan luar dengan kerajaan China dan India.

(a) Nyatakan bentuk hubungan yang dijalinan oleh kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar yang lain.

(i) Perdagangan

(ii) Keagamaan

(iii) Diplomatik

[3 markah]

(b) Apakah tujuan kerajaan Alam Melayu mengadakan hubungan tersebut?

Funan ingin memohon bantuan ketenteraan dengan China untuk melawan Dai Viet. Champa ingin memulihkan hubungan setelah berperang dengan sekutu China iaitu Dai Viet. Srivijaya mendapatkan pengiktirafan dan memperkukuh hubungan persahabatan dan perdagangan dengan China. Kedah Tua ingin memperkukuh hubungan perdagangan dengan China. Angkor ingin memperkukuh hubungan persahabatan dan perdagangan dengan China. Majapahit ingin menjalinkan hubungan persahabatan dengan China. Funan dan Srivijaya ingin mengeratkan hubungan persahabatan dan hubungan keagamaan dengan India. Angkor dan Majapahit ingin mengeratkan hubungan persahabatan dengan India.

[3 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah manfaat yang diperoleh oleh kerajaan Alam Melayu melalui hubungan luar yang dijalin dengan kerajaan luar?

Kemakmuran kerajaan. Ekonomi negara meningkat. Pengaruh agama Hindu Buddha dapat diperkukuhkan. Keselamatan negara terjamin. Memperoleh lebih banyak barang dagangan. Kegemilangan negara.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

2. (a) Nyatakan kegiatan pertanian yang dijalankan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu.

Padi. Rempah ratus. Kegiatan pertanian lain/ pisang/ tebu/ bijan/ kacang/ kelapa/ sayuran/

buah-buahan/ menangkap ikan/ mendapatkan kulit kura-kura.

[3 markah]

(b) Apakah hasil laut dan hasil hutan yang dihasilkan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu?

Gaharu. Sarang burung. Kapur barus. Gamat. Rumpai laut. Mutiara.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[3 markah]

- (c) Sektor ekonomi merupakan aspek utama dalam kemajuan negara. Huraikan peranan kerajaan Malaysia dalam meningkatkan ekonomi negara.

Mempelbagaikan kegiatan ekonomi komersial, meningkatkan sektor perindustrian, menarik pelaburan asing, meningkatkan sistem pengangkutan dan perhubungan serta meningkatkan eskport negara.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

3. Maklumat berikut tentang undang-undang Melaka yang merupakan antara faktor kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Dalam zaman keagungan kesultanan Melayu Melaka telah lahir dua buah undang-undang yang menjadi pedoman atau panduan bagi mengendalikan masyarakat Melaka yang semakin bersifat majmuk. Kedua-dua undang-undang ini berasaskan kepada peraturan Adat Temenggung. Satu adat (peraturan) didarat dan yang satu lagi adat (peraturan) di laut.

Sumber: <http://www.jmm.gov.my/files/UNDANG.pdf>

- (a) Apakah sistem perundangan yang diamalkan di Kesultanan Melayu Melaka?

Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Laut Melaka, dan Undang-undang adat

[3 markah]

- (b) Jelaskan kepentingan sistem perundangan di 3(a) terhadap Kesultanan Melayu Melaka.

Mewujudkan keamanan. Menjamin keselamatan rakyat. Jenayah dalam negeri diatasi dengan baik dan terus. Aktiviti perdagangan berjalan dengan lancar. Memberi keyakinan kepada pedagang. Membolehkan sistem perwarisan takhta berjalan secara teratur.

[3 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sistem perundangan yang sistematik kepada negara kita?

Menjaga keamanan dalam negara.

Mengurangkan kes jenayah. Rakyat akan takut membuat kesalahan.

Menjatuhkan hukuman terhadap pesalah.


Melancarkan sistem pentadbiran.

Menjaga kestabilan politik.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

4. Rajah berikut menunjukkan hierarki pemerintahan Adat Perpatih.



(a) Namakan pembesar di peringkat **X** dan **Y** dalam hierarki pemerintahan Adat Perpatih yang berikut.

X: Undang

Y: Buapak

[2 markah]

(b) Terangkan peranan pembesar **X** dan **Y** tersebut.

Undang merupakan Ketua Luak. Undang Yang Empat ialah Undang Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Johol, dan Undang Rembau. Memilih seorang yang layak daripada keturunan Yamtuan Radin untuk menjadi Yamtuan Besar. Buapak berperanan melantik seorang ketua yang digelar Buapak. Menjadi ketua rujukan aspek berkaitan adat dan hukum.

[4 markah]

(c) Amalan demokrasi merupakan elemen penting dalam sistem pemerintahan Adat Perpatih. Pengamalan sistem demokrasi masih diteruskan sehingga ke hari ini. Apakah kepentingan pengamalan sistem demokrasi kepada sesebuah negara?

Memilih pemimpin yang berwibawa.

Menunjukkan hak rakyat.

Memilih pemimpin yang disokong majoriti.

Permuafakatan dalam pemilihan.

Suara rakyat diiktiraf. Hak asasi terjaga.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

[4 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Jawab **satu** soalan sahaja.

1. (a) Perihalkan latar belakang Kesultanan Johor-Riau.

Diasaskan oleh Raja Ali. Menggunakan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah 1. Bendahara Seri Nara Diraja dititahkan untuk menghimpunkan rakyat untuk membuka negeri di pesisir Sungai Johor. Membina pusat pemerintahan di Kota Kara, Pekan Tua. Terletak berhampiran sungai yang lebar dan dalam memudahkan kapal untuk keluar masuk. Kawasan berbukit-bukau menjadi benteng pertahanan daripada ancaman luar. Kota Kara di Pekan Tua telah diserang dan dimusnahkan oleh Portugis pada tahun 1535. Sultan Alaudin Riayat Shah berundur dan membuka pusat pemerintahan di Kota Sayong. Kawasan ini lebih selamat kerana kapal perang musuh sukar melintasi sungai yang sempit. Pusat pemerintahan dipindahkan ke Kota Batu, Johor Lama yang juga dikenali sebagai Tanjung Batu. Kedudukannya strategik di Sungai Johor yang lebar dan dalam memudahkan kapal dagang keluar masuk.

[6 markah]

- (b) Huraikan cabaran persaingan kuasa yang dihadapi oleh Kesultanan Johor Riau dalam menuju ke arah kegemilangannya.

Persaingan Johor - Aceh - Portugis untuk menguasai perdagangan di Selat Melaka. Dikenali sebagai Perang Tiga Segi / Perang Seratus Tahun. Johor menyerang Portugis di Melaka kerana hendak merampas semula Melaka daripada Portugis. Aceh menyerang Johor kerana perdagangan tergugat. Aceh menyerang Portugis di Melaka kerana hendak menguasai perdagangan Aceh. Portugis menyerang Johor kerana adanya Pakatan Johor dan Aceh. Berakhir apabila Johor memberikan bantuan kepada Belanda untuk mengalahkan Portugis dan menguasai Melaka. Aceh pula mengalami kemerosotan selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani.

[6 markah]

- (c) Terdapat banyak cabaran lain yang dihadapi oleh Kesultanan Johor Riau. Terangkan iktibar yang boleh dipelajari daripada kejayaan Kesultanan Johor Riau dalam menghadapi cabaran tersebut.

Mengamalkan semangat perjuangan yang tinggi. Tidak berputus asa.

Mempunyai strategi yang bijak dalam mencapai matlamat.

Mengadakan pakatan/kerjasama dengan negara luar.

Sentiasa menjaga kedaulatan negara daripada campur tangan kuasa asing.

Mempunyai kelengkapan tentera yang mantap.

Menguatkan sistem pertahanan negara.

Bersatu-padu antara rakyat dengan pemimpin.

Menjaga keamanan dalam negara.

(Mana-mana jawapan munasabah)

[8 markah]

2. (a) Terangkan perayaan masyarakat Sarawak dan Sabah.

Sarawak - Kaum Iban, Bidayuh, dan Orang Ulu merayakan Pesta Menuai atau Gawai Dayak. Masyarakat Iban mengadakan upacara Miring semasa Gawai Dayak. Bagi menyatakan rasa terima kasih kepada petara atau tuhan. Acara Kumang dan Keling Gawai iaitu pemilihan ratu cantik dan jejak tampan. Kaum Bisaya dan Kedayan mengadakan Pesta Babulang dan Makan Tahun. Pesta Babulang merupakan pesta menuai. Makan Tahun merupakan tanda kesyukuran atas hasil yang diperoleh oleh petani. Kaum Melanau mengadakan Pesta Kaul. Bertujuan untuk mengelak malapetaka buruk oleh roh jahat yang dipanggil sebagai Ipok.

Sabah - Pesta Kaamatan yang disambut oleh Kadazandusun dan Murut. Simbol kesyukuran untuk meraikan semangat padi/bambazon/ Bambarayon. Dijalankan oleh Bobohizan/ Bobolian. Penduduk berharap akan mendapat lebih banyak hasil tuaian. Acara diadakan ialah ratu cantik/Unduk Ngadau

[6 markah]

(b) Jelaskan tujuan pembinaan seni bina di Sarawak dan Sabah.

Sarawak – Rumah Panjang/ Seni bina kaum Iban, Bidayuh, dan Orang Ulu. Dibina untuk tujuan keselamatan dan pertahanan. Mewujudkan Kerjasama dalam kalangan penduduk. Menjadi tempat tinggal. Tempat berinteraksi. Mengadakan acara-acara perayaan.

Sabah – Rumah tinggi/ Hasil binaan kaum Melanau. Dibina tinggi dengan 10 meter. Untuk mengelak serangan musuh. Rumah baruk. Dihasilkan oleh kaum Bidayuh. Bulat dan berbentuk kon dengan puncaknya dihiasi lambang burung kenyalang. Menjadi tempat menyimpan tengkorak dan senjata. Pusat ritual. Mesyuarat dan majlis sosial yang lain

[6 markah]

(c) Gambar berikut menunjukkan kepelbagaian etnik di negara kita.



Bagaimanakah keunikan kepelbagaian budaya di negara kita boleh digunakan bagi meningkatkan sektor pelancongan negara?

Keunikan budaya bangsa setiap kaum di negara kita memiliki nilai komersial. Contohnya tarian, pakaian dan makanan yang berbeza antara satu kaum dengan kaum yang lain. Budaya bangsa setiap kaum yang unik ini menjadi tarikan kepada rakyat tempatan dan pelancong asing. Pelancong teruja kerana mereka tidak memiliki seperti apa yang kita miliki. Keunikan tersebut mampu menjana pendapatan ekonomi setempat melalui kemudahan penginapan dan perniagaan. Sektor pelancongan akan berkembang maju apabila pelancong luar datang untuk melihat sendiri kepelbagaian budaya yang kita miliki

[8 markah]

PANDUAN TUGASAN SEJARAH

Pengertian

- (a) Satu kajian secara mendalam tentang situasi, isu, subjek, dokumen atau peristiwa.
- (b) Berdasarkan sumber secara terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.

Ciri

- (a) Data yang mendalam dan teliti daripada pelbagai sumber.
- (b) Pemerhatian dan empati.
- (c) Makna dan iktibar yang boleh dipelajari daripada kes tertentu.


Tujuan

- (a) Mengilustrasi gambaran, menganalisis dan menginterpretasi kehebatan tokoh, keunikan monumen, situasi dan peristiwa melalui maklumat yang diperoleh.
- (b) Mengenal pasti tingkah laku yang kompleks dalam situasi tertentu.
- (c) Mempersembahkan dapatan sebenar.
- (d) Pengesahan dapatan.

Fokus

- (a) Individu, situasi tempatan atau peristiwa.
- (b) Kejadian atau peristiwa yang unik dan utama atau kes tunggal.
- (c) Perkara berkaitan dengan tokoh, komuniti, pertubuhan, institusi, peristiwa, tempat, fakta / mitos / legenda dan monumen.

Langkah-langkah pelaksanaan tugas



▶▶▶ Contoh Laporan Tugas Sejarah

<https://plus.pelangibooks.com/Resources/ExcelPBD/SejarahT2/LaporanTugasSejarah.pdf>

